



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
ARAS 2-7, BLOK K, PUSAT BANDAR DAMANSARA  
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033  
Fax : 03-2094 0892

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2(22)

Tarikh : 27 April 2011

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
BILANGAN 5 TAHUN 2011**

**PENGLASIFIKASIAN PERKHIDMATAN  
SPA DAN URUTAN REFLEKSOLOGI**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pelaksanaan **Pengklasifikasian Perkhidmatan Spa dan Urutan Refleksologi**.

**LATAR BELAKANG**

2. Premis spa dan urutan refleksologi perlu diklasifikasikan bagi memastikan penawaran perkhidmatan spa dan urutan refleksologi di negara ini adalah setaraf dengan negara-negara lain. Sistem pengklasifikasian dan pemberian taraf bintang ini dapat mewujudkan satu inventori laman web perkhidmatan spa dan urutan refleksologi berasaskan kualiti yang telah ditetapkan berdasarkan penilaian yang dibuat dari

semasa ke semasa. Ini membolehkan premis-premis tersebut dipromosikan bagi pasaran domestik dan antarabangsa.

3. Pada masa yang sama, sistem ini diharap dapat mengawal tahap kualiti perkhidmatan serta perkembangan industri ini agar lebih berkesan. Sistem tersebut mencakupi kawalan kualiti pakej-pakej pelancongan kesejahteraan (*wellness tourism*) di negara ini melalui pemantauan bersepadu di antara Kementerian Kesihatan, PBT dan Kementerian Pelancongan.

4. Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-63 (MNKT Ke-63) pada **2 September 2010** telah bersetuju:

- (i) dengan peranan PBT dalam pelaksanaan sistem pengklasifikasian perkhidmatan spa dan urutan refleksologi; dan
- (ii) supaya semua PBT tidak mempertimbangkan pembaharuan lesen perniagaan bagi mana-mana premis perkhidmatan spa dan urutan refleksologi jika tidak memenuhi kriteria minimum satu bintang seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Panel Pengelasan Spa dan Urutan Refleksologi.

## **MEKANISME PELAKSANAAN**

5. Kriteria Pengklasifikasian Spa Dan Urutan Releksologi adalah seperti di **Lampiran 1**. Kriteria tersebut merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) sistem pengklasifikasian;
- (ii) kriteria pengelasan;
- (iii) skema pengelasan;
- (iv) mekanisme pelaksanaan;
- (v) kekerapan penilaian; dan
- (vi) faedah pelaksanaan.

## **TARIKH KUATKUASA**

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

## **PERTANYAAN**

7. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelancongan  
Tingkat 33 dan 35, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)  
45 Jalan Tun Ismail  
50480 Kuala Lumpur  
**(u.p.: Bahagian Pelesenan Pelancongan)**  
**No. Telefon : 03-2693 7111**  
**No. Fax : 03-2693 4789**

## PENUTUP

8. Pemakaian peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

**“ 1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan ”**

Yang Ikhlas,



~~(DATO' AHMAD BIN HAJI KABIT)~~  
~~Ketua Setiausaha~~  
~~Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan~~

27 April 2011

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua  
Pihak Berkuasa Tempatan

**s.k.:**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelancongan  
Tingkat 36, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)  
45 Jalan Tun Ismail  
**50694 KUALA LUMPUR**